



KHAZANAH
NASIONAL

SIARAN MEDIA
Kuala Lumpur, 3 Oktober 2017

Menteri Kewangan II lancarkan program Khazanah Nasional Entrepreneurship Outreach di KMF 2017

Terbuka kepada semua rakyat Malaysia, program ini bertujuan untuk melahirkan lebih ramai usahawan tempatan baharu

Menteri Kewangan II, Datuk Seri Johari Abdul Ghani hari ini melancarkan program Khazanah Nasional Entrepreneurship Outreach (“KNEO”) semasa majlis penutup Khazanah Megatrends Forum 2017 (“KMF 2017”), di sini.

KNEO adalah suatu inisiatif oleh Khazanah Nasional Berhad (“Khazanah”) untuk mencungkil bakat keusahawanan dalam kalangan rakyat Malaysia di samping melengkapkan bakal usahawan dengan latihan pengupayaan dan khidmat bimbingan tentang selok-belok industri melalui beberapa siri program bootcamp dan accelerators (pemecut) secara terancang. Ini adalah lanjutan daripada projek Brainchild, suatu inisiatif yang dimulakan oleh Khazanah pada tahun 2015 untuk mencungkil dan membentuk bakat keusahawanan dalam kalangan warga Khazanah dan syarikat milik Khazanah.

KNEO terbahagi kepada palbagai fasa iaitu Permohonan, Pemilihan, Inkubasi, Pemecut dan Hari Demo dalam tempoh 28 minggu keseluruhannya. Pendaftaran akan dibuka bermula pada 3 Oktober sehingga 27 November 2017 menerusi laman sesawang program KNEO iaitu www.khazanahneo.com.my.

Pasukan yang terpilih akan berpeluang untuk belajar daripada pakar dalam industri yang terdiri daripada perniagaan secara tradisional hingga penyedia teknologi berskala besar dan perusahaan social. Selain itu, mereka juga bakal menerima bimbingan daripada peneraju korporat, pengasas startup yang telah berjaya dan usahawan. Mereka juga berpeluang memperkuuhkan asas perniagaan masing-masing, didedahkan kepada pelan *go-to-market* dan pelan pembiayaan kewangan, selain menimba ilmu, idea baharu dan bimbingan daripada usahawan yang telah berjaya.

Pasukan yang berjaya memasuki fasa Pemecut akan menerima pembiayaan kewangan sebanyak RM20,000 sebagai pertukaran kepada pegangan sebanyak 2% kepentingan dalam syarikat mereka oleh rakan kongsi pemecut Khazanah. Tiga pasukan terakhir yang berjaya pada Hari Demo akan menerima dana sebanyak RM30,000 setiap kumpulan.

Pengarah Urusan Khazanah, Tan Sri Dato’ Azman Hj. Mokhtar berkata, “salah satu daripada mandat utama Khazanah adalah untuk membantu membina kapasiti dan membangunkan modal insan untuk negara. Keusahawanan dan inovasi adalah pemacu utama ekonomi dan melalui program ini, kami berharap dapat mencungkil bakat baharu dengan idea yang inovatif dan bernes serta membantu mereka untuk merealisasikan idea tersebut. Selaras dengan hasrat Agenda Pemerksaan Bumiputera (“BEA”), yang mana Khazanah adalah sekretariat bagi Syarikat

Berkaitan Kerajaan (“GLC”), program ini dijangka dapat melibatkan penyertaan lebih ramai usahawan Bumiputera.”

KNEO dilaksanakan dengan kerjasama tiga rakan pemecut utama, iaitu 1337 Ventures, CodeAr.my dan WatchTower & Friends.

Untuk maklumat lanjut mengenai KNEO, layari www.khazanahneo.com.my.

TAMAT

Untuk sebarang maklumat lanjut, sila hubungi Mohd Raslan Md Sharif di talian tel +603 2034 000 atau e-mel raslan.sharif@khazanah.com.my.

Tentang Khazanah Nasional

Khazanah Nasional Berhad adalah dana pelaburan strategik Kerajaan Malaysia yang diamanahkan untuk menguruskan aset-aset komersial milik Kerajaan dan melaksanakan pelaburan-pelaburan strategik. Khazanah terlibat dalam pelbagai sektor seperti tenaga, telekomunikasi, institusi kewangan, penjagaan kesihatan, penerbangan, infrastruktur, riadah & pelancongan, hartanah kreatif & media, pendidikan dan inovasi & teknologi. Antara syarikat tersenarai utama di bawah portfolio pelaburan Khazanah adalah Telekom Malaysia Bhd, Tenaga Nasional Bhd, CIMB Group, Axiata Group Bhd, IHH Healthcare Bhd, Malaysia Airports Holdings Bhd dan UEM Sunrise Bhd.

Untuk sebarang maklumat lanjut mengenai Khazanah, sila lawat www.khazanah.com.my.